



**UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**

**جامعة السلطان أحمد شاه الإسلامية ببهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY**

POLISI ANTIRASUAH UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSAS)

UnIPSAS komited untuk melaksanakan kod etika mengenai larangan rasuah kepada semua Anggota Kerja UnIPSAS (AKU) bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah di kalangan AKU dalam aktiviti organisasi dan perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan.

UnIPSAS mensasarkan **toleransi sifar** terhadap semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara adil, profesional dan berintegriti dalam menyediakan perkhidmatan.


Polisi ini adalah sebagai sumber rujukan mengenai pencegahan rasuah, perlakuan rasuah dan mekanisme pelaporan.

Sehubungan dengan itu, UnIPSAS akan:

- i. Menghalang AKU daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah atau apa-apa hadiah yang bertentangan dengan Polisi Tidak Menerima Rasuah;
- ii. Memahami dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan pekeliling berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
- iii. Memastikan semua AKU dan rakan niaga mematuhi polisi anti rasuah UnIPSAS dan segala prosedur yang berkaitan pengurusan antirasuah;
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi sebarang tindakan rasuah yang disyaki selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan Polisi Pemberi Maklumat UnIPSAS;
- v. Memberi tanggungjawab kepada unit integriti untuk memantau pematuhan antirasuah dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. (SPIPSB).

Polisi ini terpakai kepada semua AKU. Setiap AKU adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Ketidakpatuhan dan pelanggaran Polisi oleh AKU boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil oleh UnIPSAS mengikut polisi, prosedur, arahan dan garis panduan UnIPSAS dan/atau memulakan prosiding undang-undang terhadap AKU yang terlibat.

Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan AKU / fasiliti UnIPSAS dan perlu dipatuhi. Pelanggaran kepada Polisi ini membolehkan tindakan undang-undang dan / atau tatatertib dikenakan terhadap mereka yang terlibat.


DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK,
SSAP, SIMP, DIMP, PJN, JSM, PJK.
Pengerusi Lembaga Pengarah
Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.
[No. Syarikat: 199801016355 (472484-D)]
(Syarikat yang menubuhkan UnIPSAS)

